

TARIKH : 8 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 15

KSP RMK-12 fokus agenda ekonomi, kesejahteraan serta kemampuan

# KSP RMK-12 fokus agenda ekonomi, kesejahteraan serta kemampuan

Ambil kira cabaran semasa ekonomi dalam negara, aliran global

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMK-12) akan mengambil kira aspirasi kerajaan baharu, cabaran semasa ekonomi dalam negara dan aliran global.

Sehubungan itu, Kick-Off Conference KSP RMK-12 yang berlangsung di Putrajaya, kelmarin memberi tumpuan utama kepada beberapa perkara yang merangkumi penajaran semula ekonomi, pengukuhan kesejahteraan rakyat dan ketenteraman, mempertingkatkan kemampuan serta memperkasa pemangkin pertumbuhan dan pembangunan kemahiran, pendidikan dan tabdir urus.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata ekonomi negara berada di persimpangan mencabar yang mana momentum pertumbuhan dunia lebih perlahan pada tahun depan.

Beliau berkata, untuk ekonomi Malaysia berkembang, kandungan teknologi, inovasi dan kreativiti tinggi perlu terus diperingkat untuk menjana hasil kepada negara agar tidak lagi terlalu bergantung kepada penjana ekonomi secara fizikal dan konvensional seperti hasil komoditi dan petroleum.

Katanya, usaha ini penting supaya akhirnya sumber pendapatan negara dapat dipelaburkan pada masa hadapan.

"Cabaran yang dihadapi negara bukan hanya datang dari faktor dalaman dan memandangkan kita antara negara dagang besar di dunia, masalah geopolitik, termasuk perang Russia dan Ukraine akan memberi kesan secara terus dan di luar kawalan," katanya dalam ucapan perasmian Kick-Off Persidangan Kajian Separuh Penggal RMK-12 di sini, kelmarin.

Rafizi berkata, prospek pencapaian masa hadapan perlu mengambil kira cabaran dalaman dan luar negara yang akan memberi kesan kepada pelaksanaan RMK-12.

"Faktor global luar kawalan menuntut kerjasama semua pihak untuk bersiap sedia dengan perancangan menangani senario



Rafizi memberi ucapan ketika merasmikan Kick-Off Persidangan Kajian Separuh Penggal RMK-12 di Putrajaya, kelmarin.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)



lebih awal.

"Contohnya kalau perang berterusan apa kesannya kepada kedudukan ekonomi dan fiskal, begitu juga dengan eksport dan seriranya gangguan kepada rantaian bekalan berterusan, bagaimana dengan import kita.

"Justeru kesempatan untuk KSP RMK-12 ini perlu melihat bukan semata prestasi projek dan sebagainya, tapi penting untuk mengetahui cara menangani cabaran dengan mewujudkan senario-senario bagi membantu kerajaan menangani cabaran ini," katanya.

**Reksibiliti, tindak balas cabaran**

Berikutan itu, Rafizi menuntut fleksibiliti daripada semua pihak dalam bertindak balas kepada apa-apa cabaran dan isu yang dihadapi.

Sementara itu, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Datuk Nor Azmie Diron, berkata input daripada pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai juga sangat diperlukan kerana dalam pelaksanaan KSP RMK-12, kaedah *bottom up* ma-



Rafizi bersama Nor Azmie (kanan) pada sidang media majlis Kick-Off Persidangan Kajian Separuh Penggal RMK-12 di Putrajaya, kelmarin.

sih diutamakan.

"Maklum balas dari peringkat bawah sangat diperlukan bagi menggubal KSP ini supaya akhirnya akan dapat melihat seluruh spektrum ekonomi negara.

"Kita raiikan pandangan NGO, ahli akademik, sektor swasta, pemain industri serta wakil masyarakat dalam merangka dan menggubal dasar pembangunan sosioekonomi negara supaya memenuhi keperluan dan aspirasi rakyat.

"Pada kita antara perkara utama perlu diberi perhatian kini dan masa hadapan ialah berkaitan perumahan, pendidikan, pekerjaan akan menjadi tunjang dalam menyediakan KSP RMK-12," katanya.

Beliau berkata, selain itu turut

perlu berlaku di Eropah, perang Russia dan Ukraine yang masih berlarutan, perkara yang berlaku di China dan hubungannya dengan Taiwan serta geopolitik di Asia Tenggara sangat mempengaruhi keadaan ekonomi negara.

"Jadi, kena buat semakan bagaimana kita akan pergi selanjutnya selepas 2022. Selain itu juga kita melihat cabaran dalam negara, isu luaran seperti perang telah memberi tekanan kos kepada ekonomi domestik.

"Jadi, bagaimana akhirnya tekanan kos ini dapat diimbangi dengan keadaan fiskal terhad, bagi membolehkan ekonomi tetap tumbuh dan positif," katanya.

Beliau berkata, lazimnya KSP selepas dua tahun pelaksanaan RMK, bertujuan menilai pencapaian dan menyemak semula sasaran, menganalisis ulang pencapaian, mengenal pasti isu dan cabaran ekonomi global dan domestik serta menyusun semula strategi dan keutamaan dasar.

"EPU juga menganjurkan sesi libat urus di seluruh negara dan pada masa sama akan melancarkan portal KSP RMK-12 yang akan membolehkan semua pihak menyuarakan pandangan dan cadangan," katanya.

Penyediaan KSP RMK-12 bermula pada Oktober 2022 selepas edaran Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 4 Oktober.

KSP RMK-12 dijangka dibentangkan di Parlimen pada September atau Oktober 2023.